

ABSTRAK

Pemodenan Tentera Laut China yang berlaku terutama selepas era Perang Dingin telah menjadi fokus umum hal ehwal keselamatan antarabangsa khususnya bagi rantau Asia Tenggara. Kebimbangan ancaman China ini berbangkit akibat dari rancangan jangka panjang China untuk muncul sebagai sebuah kuasa laut melalui pemodenan tentera lautnya ke arah sebuah angkatan "*blue water navy*" yang berupaya menunjukkan kekuatan untuk mempengaruhi aspek strategik dan ekonomi rantau ini.

Peningkatan keupayaan sedemikian telah meningkatkan persepsi negara-negara Asia Tenggara terhadap ancaman China yang banyak dikaitkan dengan isu maritim. Kewujudan beberapa isu-isu maritim mengaitkan China-ASEAN yang masih belum selesai merupakan satu "*flash point*" yang berupaya memberi implikasi terhadap keselamatan rantau ini. Kebimbangan terhadap ancaman China telah meningkat apabila ia telah menempatkan tentera lautnya di Terumbu Mischief pada 1995 yang dituntut oleh Filipina dan penempatan beberapa aset tentera lautnya di Myanmar. Tindakan ini dilihat sebagai usaha China untuk menguasai kepentingan di Laut China Selatan dan meluaskan pengaruhnya di rantau ini. Antara potensi ancaman yang mungkin berlaku adalah terhadap kebebasan laluan hubungan laut (SLOC) yang dapat mempengaruhi perkembangan ekonomi serantau.

Walau bagaimanapun sejauh manakah potensi ancaman ini tidak dilihat dalam realiti sebenar oleh setengah pihak terutama adakah China berupaya berbuat sedemikian. Sehubungan itu kajian ini cuba mengupas realiti sejauh manakah pemodenan Tentera Laut China ketika ini berupaya menjadi ancaman terhadap keselamatan rantau Asia Tenggara.